



“KESENANGAN DAN KESUSAHAN ADALAH UJIAN”.1

<p>الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ: الَّذِينَ إِذَا أَصَابَتْهُمْ مُصِيبَةٌ قَالُوا إِنَّا لِلَّهِ وَإِنَّا إِلَيْهِ رَاجِعُونَ ﴿١٥٦﴾ أُولَئِكَ عَلَيْهِمْ صَلَوَاتٌ مِّن رَّبِّهِمْ وَرَحْمَةٌ وَأُولَئِكَ هُمُ الْمُهْتَدُونَ ﴿١٥٧﴾</p>	2
<p>أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ</p>	3
<p>أَمَّا بَعْدُ، فَيَا أَيُّهَا الْمُسْلِمُونَ! اتَّقُوا اللَّهَ! أَوْصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ. قَالَ اللَّهُ تَعَالَى: يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تُقَاتِهِ وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ ﴿١٠٤﴾</p>	4
<p>Muslimin yang dirahmati Allah sekalian,</p> <p>Marilah kita berusaha meningkatkan ketakwaan kepada Allah SWT dengan melaksanakan segala perintah-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya. Mudah-mudahan kita beroleh kejayaan di dunia dan di akhirat.</p>	5
<p>Marilah kita menghayati khutbah pada hari ini yang bertajuk “KESENANGAN DAN KESUSAHAN ADALAH UJIAN”.</p> <p>Hadirin Jumaat yang dimuliakan Allah sekalian,</p>	6
<p>Setiap daripada kita pasti pernah melalui pahit getir ujian dan dugaan, kepayahan menghadapi cabaran hidup serta kesedihan yang sukar dilupakan. Bukan itu sahaja, pasti kita juga pernah mengalami saat-saat bahagia, nikmat kegembiraan apabila mendapat apa yang dihajati serta rasa manisnya kehidupan apabila memperoleh banyak kesenangan. Kesemua situasi itu adalah sebenarnya ujian yang diturunkan oleh Allah SWT kepada kita hamba-hamba-Nya untuk menduga kekuatan iman dalam hati kita.</p>	7



<p>Firman Allah SWT dalam surah al-Anbiya' ayat 35:</p> <p>كُلُّ نَفْسٍ ذَائِقَةُ الْمَوْتِ وَنَبَلُوكُم بِالشَّرِّ وَالْخَيْرِ فِتْنَةً وَإِلَيْنَا تُرْجَعُونَ ﴿٣٥﴾</p>	8
<p><i>"Tiap-tiap diri akan merasai mati, dan Kami menguji kamu dengan kesusahan dan kesenangan sebagai cubaan; dan kepada Kami lah kamu semua akan dikembalikan."</i></p>	9
<p>Ayat ini memberitahu kita bahawa ujian daripada Allah bukan sekadar datang dalam bentuk kepayahan atau kesedihan. Kita juga akan diuji melalui pelbagai nikmat, kebahagiaan dan kesenangan untuk melihat sama ada kita akan menjadi hamba Allah yang bersyukur atau kufur dengan nikmat yang diberikan. Pernahkan kita mengalami situasi di mana kita sering diuji dengan kepayahan dan pelbagai masalah, sehingga kadangkala membuatkan kita berasa seperti dunia ini tidak adil, kerana hidup kita tidak seindah kehidupan orang lain?</p>	10
<p>Perasaan ini tidak sepatutnya terdetik sama sekali dalam hati kita, kerana ia seolah-olah kita menyalahkan Allah SWT atas apa yang berlaku kepada diri kita. Sebaliknya, sebagai seorang hamba-Nya yang bertakwa, kita hendaklah menganggap setiap kepayahan itu sebagai ujian daripada Allah untuk mengajar kita erti sabar dan erti berusaha serta tidak berputus asa terhadap apa yang kita mahukan. Percayalah kepada janji-janji Allah kepada orang yang sabar, bahawa nikmat sabar itu amat indah dan hanya Dia yang Maha Mengetahui akan hikmah di sebalik setiap ujian yang menimpa hamba-Nya</p>	11



<p>Firman Allah SWT dalam surah Al-Baqarah ayat 156-157 sebagaimana dibacakan pada mukaddimah khutbah ini yang bermaksud:</p> <p><i>"...(iaitu) orang yang apabila ditimpa musibah, mereka mengucapkan, 'Inna lillahi wa inna ilaihi rajiun'. Mereka itulah orang yang mendapat keberkatan sempurna dan rahmat dari Tuhannya, dan mereka itulah orang yang mendapat petunjuk."</i></p>	12
<p>Justeru, bagaimana untuk memastikan bahawa kita tidak termasuk dalam golongan orang-orang yang berburuk sangka kepada Allah SWT? Jawapannya, adalah kita hendaklah sentiasa bersabar dan bersyukur dengan setiap ujian, menjaga solat dan memelihara hati daripada perasaan-perasaan yang tidak selayaknya sebagai seorang hamba.</p> <p>Firman Allah dalam surah al-Baqarah ayat 45:</p> <p>وَاسْتَعِينُوا بِالصَّبْرِ وَالصَّلَاةِ وَإِنَّهَا لَكَبِيرَةٌ إِلَّا عَلَى الْخَاشِعِينَ ﴿٤٥﴾</p> <p><i>"Dan mintalah pertolongan (kepada Allah) dengan jalan sabar dan mengerjakan sembahyang; dan sesungguhnya sembahyang itu amatlah berat kecuali kepada orang-orang yang khusyuk."</i></p>	13
<p>Justeru itu, janganlah sesekali kita menganggap ujian itu sebagai satu bentuk seksaan, hukuman mahupun ganjaran yang akan berkekalan. Sedangkan Nabi Muhammad SAW dan para anbiya' yang lain juga diuji dengan pelbagai ujian yang lebih dahsyat, apalah sangat jika hendak dibandingkan ujian yang menimpa kita, sebagai insan biasa ini. Jadi, selepas ini, jika kita diuji dengan nikmat atau kesusahan, teruskan bersabar, jaga hubungan kita dengan Allah dan pelihara hati dan jiwa daripada melakukan sesuatu yang menjejaskan keimanan kita.</p> <p>Muslimin yang dirahmati Allah sekalian,</p>	14



<p>Relevan dan hubungkait antara tajuk khutbah pada kali ini ialah isu global yang berlaku di negara kita khususnya dan dunia amnya ialah penularan wabak Covid-19 yang sehingga kini masih belum reda dengan laporan-laporan terkini yang berlaku. Sebagai umat Islam, apa sahaja yang terjadi di atas muka bumi ini sekalipun gugurnya sehelai daun dari pokok jatuh ke tanah, pegangan kita bahawa:</p> <ol style="list-style-type: none">1. Berlaku dengan izin dan ketentuan dari Allah.2. Berlaku dengan kekuasaan Allah.3. Berlaku dalam ilmu Allah.	15
<p>Antara pegangan asas umat Islam dalam isu ini ialah sabar, mengadu, merintih dan terus bergantung harap kepada Allah SWT. Lihat bagaimana kisah yang dirakamkan oleh Allah SWT yang menguji Nabi Ayub Alaihissalam dengan penyakit yang misteri dan membelenggu dirinya. Sikap Nabi Ayub Alaihissalam tidak membentak dan merungut dengan mempertikaikan ketentuan ujian atas dirinya. Baginda terus bersabar sekalipun Iblis cuba untuk mendatangkan keraguan dan merosakkan imannya dengan ujian yang menimpa atas dirinya.</p>	16
<p>Dalam keadaan ditimpa musibah seperti wabak Covid-19 ini, umat Islam wajib bersangka baik pada menerima ketentuan dari Allah. Ini kerana Allah Maha Berkuasa atas tiap-tiap sesuatu. Dalam ketentuan-Nya setiap kesabaran atas kesusahan yang dialami sampai masa diizinkan oleh-Nya maka keadaan akan kembali pulih seperti sedia kala.</p>	17



<p>Hadis daripada Ibnu Abbas Radiallahu'anhuma bahawa Rasulullah SAW bersabda:</p> <p>وَاعْلَمُ أَنَّ فِي الصَّبْرِ عَلَى مَا تَكَرَّهُ خَيْرًا كَثِيرًا، وَأَنَّ النَّصْرَ مَعَ الصَّبْرِ، وَأَنَّ الْفَرْجَ مَعَ الْكُرْبِ، وَأَنَّ مَعَ الْعُسْرِ يُسْرًا</p>	18
<p><i>"Dan ketahuilah, sesungguhnya pada kesabaran ke atas apa yang kamu tidak sukai adanya kebaikan yang banyak, sesungguhnya pertolongan-Ku (dari Allah) bersama sifat sabar, dan sesungguhnya kelapangan itu bersama kepayahan, dan sesungguhnya kesusahan itu bersama kesenangan."</i></p> <p>(Riwayat Ahmad).</p>	19
<p>Antara hikmah sesuatu ujian ke atas manusia ini ialah tapisan dari Allah bagi memperlihatkan sikap kalangan orang beriman yang sebenarnya atau sebaliknya. Sebab itu sikap orang beriman, sentiasa mencari hikmah di sebalik sesuatu ujian dan kejadian agar mereka kembali kepada Allah. Bersabar dan semakin tinggi keimanan kepada Allah yang Maha Berkuasa.</p> <p>Firman Allah SWT dalam surah Muhammad ayat 31:</p> <p>وَلَتَبْلُونَكُمْ حَتَّىٰ نَعْلَمَ الْمُجَاهِدِينَ مِنْكُمْ وَالصَّابِرِينَ وَتَبْلُونَ أَخْبَارَكُمْ ﴿٣١﴾</p>	20



<p><i>“Dan demi sesungguhnya! Kami tetap menguji kamu (wahai orang-orang yang mengaku beriman) sehingga ternyata pengetahuan Kami tentang adanya orang-orang yang berjuang dari kalangan kamu dan orang-orang yang sabar (dalam menjalankan perintah Kami); dan (sehingga) Kami dapat mengesahkan (benar atau tidaknya) berita-berita tentang keadaan kamu.”</i></p>	
<p>Bersangka baiklah, mungkin Allah hendak mengangkat darjat kita melalui ujian yang diberikan itu. Allah mahu menghapuskan dosa-dosa kita, dan Allah mahu memberi pahala kepada kita. Maka, senyum dan berbahagialah menjadi insan pilihan yang diuji-Nya. Bukan beratnya ujian yang membuat kita lemah, tapi ringannya hubungan kita dengan Allah yang menyebabkan kita seakan tidak dapat menanggungnya.</p> <p>Muslimin yang dirahmati Allah,</p>	
<p>Mengakhiri khutbah kali ini, khatib ingin berpesan kepada hadirin sekalian agar mengambil pedoman-pedoman berikut:</p> <ol style="list-style-type: none">1. Umat Islam hendaklah meyakini bahawa kesenangan dan kesusahan adalah ujian yang akan dihisab di akhirat kelak.2. Umat Islam hendaklah mempersiapkan diri dengan sifat sabar apabila diuji dengan kesenangan dan kesusahan.3. Umat Islam hendaklah meyakini bahawa orang yang beriman pasti akan diuji sama ada ujian kesenangan atau ujian kesukaran.	



<p>أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ أَحْسِبَ النَّاسَ أَنْ يَتَّكِبُوا أَنْ يَقُولُوا ءَامَنَّا وَهُمْ لَا يُفْتَنُونَ ﴿٢﴾</p>	
<p><i>“Patutkah manusia menyangka bahawa mereka akan dibiarkan dengan hanya berkata: "Kami beriman", sedang mereka tidak diuji (dengan sesuatu cubaan)?”.</i></p> <p><i>(Surah al-Ankabut : 2).</i></p>	
<p>بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ، إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ.</p>	22
<p>أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ</p>	23



KHUTBAH KEDUA

<p>الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي جَعَلَنَا مِنَ الْمُسْلِمِينَ، وَرَزَقَنَا مِنَ الطَّيِّبَاتِ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ.</p>	1
<p>اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.</p>	2
<p>أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ، أُوصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.</p>	3
<p>Sekali lagi khatib ingin mengingatkan supaya sama-sama kita sentiasa bertaqwa kepada Allah SWT dengan mengawasi diri dan keluarga kita daripada perbuatan keji dan maksiat. Dalam masa yang sama kita terus berdoa agar seluruh negara kita sentiasa dirahmati dan dilindungi daripada segala bentuk ancaman serta penularan wabak Covid-19.</p>	5
<p>Untuk itu terimalah dengan baik saranan pihak kerajaan supaya mendaftarkan diri kita melalui aplikasi Mysejahtera untuk mendapatkan suntikan vaksin yang telah disahkan oleh pihak Kementerian Kesihatan Malaysia.</p>	7
<p>Mudah-mudahan kita tergolong dalam kalangan hamba-hamba Allah yang bersabar ketika menempuh segala penyakit yang menimpa, berdisiplin mematuhi SOP dan tatacara amalan kebiasaan baharu untuk memerangi wabak Covid-19 demi keselamatan diri serta masyarakat.</p>	8



<p>Dalam kita berhadapan dengan wabak ini, janganlah kita mengambil jalan mudah dengan memudarat dan menyakiti diri sendiri. Kita mestilah berjiwa besar, sabar dan kuat mental serta fizikal berasaskan keimanan yang mantap.</p>	
<p>Marilah sama-sama kita memperbanyakkan selawat ke atas junjungan besar Nabi Muhammad SAW kerana perintah Allah dalam firman-Nya :</p>	9
<p>إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا ﴿٥٦﴾</p>	10
<p>اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا وَمَوْلَانَا مُحَمَّدٍ سَيِّدِ الْمُرْسَلِينَ وَارْضَ اللَّهُمَّ عَنْ أَصْحَابِهِ وَقَرَابَتِهِ وَأَزْوَاجِهِ وَذُرِّيَّاتِهِ أَجْمَعِينَ.</p>	11
<p>اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ، إِنَّكَ سَمِيعٌ قَرِيبٌ مُجِيبُ الدَّعَوَاتِ وَيَا قَاضِيَ الْحَاجَاتِ.</p>	12
<p>اللَّهُمَّ أَعِزِّ الْإِسْلَامَ وَالْمُسْلِمِينَ، وَأَهْلِكَ الْكُفْرَةَ وَالْمُبْتَدِعَةَ وَالْمُشْرِكِينَ وَدَمَّرْ أَعْدَاءَكَ أَعْدَاءَ الدِّينِ. وَانصُرْنَا عَلَى الْقَوْمِ الْكَافِرِينَ.</p>	13
<p>اللَّهُمَّ إِنَّا نَسْأَلُكَ وَنَتَوَسَّلُ إِلَيْكَ بِنَبِيِّكَ الْأَمِينِ، وَنَسْأَلُكَ بِأَسْمَائِكَ الْحُسْنَى، وَصِفَاتِكَ الْعُظْمَى، أَنْ تَحْفَظَ بَعَيْنِ عِنَايَتِكَ الرَّبَّانِيَّةِ، وَبِحِفْظِ وَقَايَتِكَ الصِّمْدَانِيَّةِ،</p>	14
<p>جَلَالَةَ مَلِكِنَا الْمُعْظَمِ، سُلْطَانَ سَلَغُورِ، سُلْطَانَ شَرْفِ الدِّينِ ادریس شاه الحاج ابن المرحوم سُلْطَانَ صَلَاحُ الدِّينِ عبد العزيز شاه الحاج.</p>	15



<p>اللَّهُمَّ أَدِمِ الْعُونَ وَالْهَدَايَةَ وَالتَّوْفِيقَ، وَالصِّحَّةَ وَالسَّلَامَةَ مِنْكَ، لِيُوَلِّيَّ عَهْدِ سَلَاطُونَ، تَعَكُّوْ أَمِيرِ شَاهِ ابْنِ السُّلْطَانِ شَرْفِ الدِّينِ ادريس شاه الحاج،</p>	16
<p>فِي أَمْنٍ وَصَلَاحٍ وَعَافِيَةٍ بِمَنِّكَ وَكَرَمِكَ يَا ذَا الْجَلَالِ وَالْإِكْرَامِ. اللَّهُمَّ أَطْلُ عُمْرَهُمَا مُصْلِحِينَ لِلْمَوْظَفِينَ وَالرَّعِيَّةِ وَالْبِلَادِ، وَبَلِّغْ مَقَاصِدَهُمَا لِطَرِيقِ الْهُدَى وَالرَّشَادِ.</p>	17
<p>Ya Allah, Engkaulah Tuhan yang Maha Berkuasa, kami bersyukur kehadiran-Mu yang telah mengurniakan rahmat dan keberkatan kepada negeri ini yang terus sejahtera dan maju, serta rakyatnya bersatu padu, dibawah naungan dan pimpinan raja kami sebagai Ketua Agama Islam di negeri ini.</p>	18
<p>Ya Allah, jadikanlah kami ini hamba-hamba-Mu yang sentiasa meninggikan kalimah dan Agama-Mu. Hindarilah kami dari kelompok dan golongan yang suka mencela, mencaci dan menghina Agama-Mu</p>	19
<p>Ya Allah, kurniakanlah petunjuk kepada kami untuk mendirikan solat fardu lima waktu secara berjemaah, menunaikan zakat melalui Lembaga Zakat Selangor, mewakaf dan menginfakkan harta melalui Perbadanan Wakaf Selangor dan Tabung Infak Jariah Umat Islam Selangor (TIJARI) dan kepada anak-anak yatim melalui Yayasan Islam Darul Ehsan (YIDE).</p>	20
<p>اللَّهُمَّ يَا دَافِعَ الْبَلَاءِ، اذْفَعْ عَنَّا هَذَا الْوَبَاءَ وَالْبَلَاءَ وَالْمَرَضَ وَالشَّدَائِدَ وَالْمِحْنَ، بِلُطْفِكَ يَا لَطِيفُ إِنَّكَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ وَبِالْإِجَابَةِ جَدِيرٌ.</p>	21



<p>رَبَّنَا هَبْ لَنَا مِنْ أَزْوَاجِنَا وَذُرِّيَّاتِنَا قُرَّةَ أَعْيُنٍ وَاجْعَلْنَا لِلْمُتَّقِينَ إِمَامًا. رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ ﴿٢٠١﴾.</p>	22
<p>عِبَادَ اللَّهِ، إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايَ ذِي الْقُرْبَى وَيَنْهَى عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ ﴿٩٠﴾</p>	23
<p>فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ وَاشْكُرُواهُ عَلَى نِعَمِهِ يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.</p>	24